



**PENGARUH SIKAP DAN KEMAHIRAN
KEUSAHAWANAN TERHADAP KEINGINAN
KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN
MAHASISWA DAN MAHASISWI
DI UNIVERSITI PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS**



SYAQIRAH BINTI ABDULLAH

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024





**PENGARUH SIKAP DAN KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN TERHADAP
KEINGINAN KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN MAHASISWA DAN
MAHASISWI DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

Oleh

SYAQIRAH BINTI ABDULLAH



**PROJEK TAHUN AKHIR INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA MUDA PENDIDIKAN PENGURUSAN PERNIAGAAN
(DENGAN KEPUJIAN)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024





PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa projek tahun akhir ini adalah hasil kerja saya sepenuhnya kecuali sesetengah ringkasan dan pernyataan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



05-4506832

Tarikh: 05 Februari 2024

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Tandatangan :

Nama Pelajar : Syaqirah binti Abdullah

No. Matrik : D20201094018





PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah, Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Alhamdulillah, saya amat bersyukur kepada Allah S.W.T kerana dengan hidayah dan taufik-Nya saya dapat menyiapkan projek tahun akhir ini.

Penghargaan khusus dan jutaan terima kasih kepada penyelia saya, Dr. Nur Yuhainis binti Ab Wahab, di atas segala tunjuk ajar, bimbingan, dorongan dan nasihat yang diberikan sepanjang proses untuk saya menyiapkan projek tahun akhir ini. Sesungguhnya pengalaman yang mencabar ini amat bermakna kepada saya. Tidak lupa juga kepada pensyarah yang telah memberikan banyak ilmu tentang cara penulisan projek tahun akhir ini. Seterusnya, sejuta penghargaan dan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa saya beserta keluarga tercinta yang sentiasa memberi dorongan dan semangat untuk menyiapkan kajian ini.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan yang telah memberi banyak tunjuk ajar dan bantuan sepanjang proses saya menyiapkan projek tahun akhir ini. Mereka tidak jemu membantu saya dan menjawab pelbagai persoalan yang dilontarkan dengan baik dan lengkap. Seterusnya, tidak lupa kepada semua responden yang telah membantu dan memberi kerjasama dengan menjawab soal selidik yang diberikan. Akhir kata, semoga kajian ini dapat memberi manfaat dan pengetahuan kepada semua orang.





ABSTRAK

Keusahawanan dilihat sebagai salah satu kerjaya yang boleh diceburi oleh sesiapa sahaja termasuk pelajar Universiti. Tetapi, sejauh manakah keinginan pelajar universiti terutamanya terhadap bidang keusahawanan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap keinginan keusahawanan terhadap pemboleh ubah tidak bersandar iaitu sikap keusahawanan dan kemahiran keusahawanan dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi Universiti Pendidikan Sultan Idris. Bagi menjelaskan hubungan antara tahap keinginan keusahawanan dengan sikap dan kemahiran keusahawanan, pengkaji menggunakan Teori Pemilihan Kerjaya Holland atau Teori Tipologi Holland. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan menggunakan soal selidik bagi memenuhi proses pengumpulan data sebelum analisis data dibuat. Sampel kajian yang digunakan adalah sebanyak 376 orang mahasiswa dan mahasiswi UPSI yang menyambung pembelajaran dalam bidang Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan yang berada pada semester satu sehingga semester lapan. Bagi memperoleh sampel kajian, pengkaji menggunakan teknik pensampelan bersrata dan pemilihan responden adalah secara rawak. Bagi menjawab setiap persoalan kajian, analisis deskriptif (min, peratus) dan analisis inferensi (ujian korelasi Pearson dan regresi berganda) telah digunakan. Data dianalisis menggunakan pakej statistik untuk sains sosial (SPSS). Dapatan yang diperoleh menunjukkan tahap keinginan keusahawanan dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi Universiti Pendidikan Sultan Idris berada pada tahap sederhana tinggi. Keputusan empirikal pula menunjukkan hubungan positif yang signifikan antara keinginan keusahawanan dengan sikap keusahawanan dan kemahiran keusahawanan. Berdasarkan hasil kajian ini, ianya dapat membantu pihak kerajaan, universiti dan juga Kementerian Pendidikan untuk membentuk strategi mahupun program yang dapat memberi impak kepada generasi pada masa kini untuk lebih aktif menceburi bidang keusahawanan. Implikasi daripada kajian ini menunjukkan sikap keusahawanan dan kemahiran keusahawanan akan mempengaruhi tahap keinginan keusahawanan dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi. Oleh itu, cadangan bagi masa hadapan serta batasan kajian turut dibincangkan dalam kajian ini.

Kata Kunci: Keinginan Keusahawanan, Sikap Keusahawanan, Kemahiran Keusahawanan



ABSTRACT

Entrepreneurship is seen as one of the careers that can be undertaken by anyone, including university students. But, to what extent are university students' desire, especially in the field of entrepreneurship. Therefore, this study aims to identify the level of entrepreneurial desire against independent variables, namely entrepreneurial attitude and entrepreneurial skills among male and female students of Universiti Pendidikan Sultan Idris. To explain the relationship between the level of entrepreneurial desire and entrepreneurial attitude and skills, the researcher used Holland's Career Selection Theory or Holland's Typology Theory. This study uses a quantitative approach and uses questionnaires to fulfill the data collection process before data analysis is made. The sample of the study used is as many as 376 UPSI students who are continuing their studies in the field of Bachelor's Degree and Bachelor's Degree in Education who are in semester one to semester eight. In order to obtain study sample, the researcher used a stratified sampling technique and the selection of respondents was random. To answer each research question, descriptive analysis (mean, percentage) and inferential analysis (Pearson correlation test and multiple regression) were used. Data was analyzed using the statistical package for social sciences (SPSS). The findings show that the level of desire for entrepreneurship among male and female students of Universiti Pendidikan Sultan Idris is at a moderately high level. Empirical results show a significant positive relationship between entrepreneurial desire with entrepreneurial attitude and entrepreneurial skills. Based on the results of this study, it can help the government, universities and the Ministry of Education to form strategies and programs that can impact the current generation to be more active in the field of entrepreneurship. The implications of this study show that entrepreneurial attitudes and entrepreneurial skills will influence the level of entrepreneurial desire in among male and female students. Therefore, recommendations for the future as well as limitations of the study are also discussed in this study.

Keywords: Entrepreneurial Desire, Entrepreneurial Attitudes, Entrepreneurial Skills



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Soalan Kajian	6
1.6 Hipotesis Kajian	7
1.7 Definisi Operasional	7
1.8 Kepentingan Kajian	9
1.9 Skop Kajian	10
1.10 Struktur Kajian	11
1.11 Kesimpulan	12
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	13
2.1 Pengenalan	13
2.2 Kerangka Konseptual	13
2.2.1 Teori Pemilihan Kerjaya Holland atau Teori Tipologi Holland	14
2.2.2 Kerangka Konseptual Kajian	16
2.3 Definisi Konsep dan Pemboleh Ubah	17
2.3.1 Pemboleh Ubah Bersandar (Keinginan Keusahawanan)	17



2.3.1.1	Faktor yang mempengaruhi tahap keinginan keusahawanan	18
2.3.2	Pemboleh Ubah Tidak Bersandar (Sikap Keusahawanan)	19
2.3.3	Pemboleh Ubah Tidak Bersandar (Kemahiran Keusahawanan)	19
2.4	Pembangunan Hipotesis	20
2.4.1	Hubungan Antara Tahap Keinginan Keusahawanan Dengan Sikap Keusahawanan	20
2.4.2	Hubungan Antara Tahap Keinginan Keusahawanan Dengan Kemahiran Keusahawanan	21
2.5	Kesimpulan	22

BAB 3 METODOLOGI 23

3.1	Pengenalan	23
3.2	Reka Bentuk Kajian	23
3.3	Lokasi Kajian	24
3.4	Populasi dan Pensampelan kajian	24
3.4.1	Saiz Sampel	25
3.4.2	Kaedah Persampelan	26
3.5	Instrumen Kajian	27
3.5.1	Instrumen Pemboleh Ubah Bersandar (Keinginan Keusahawanan)	27
3.5.2	Instrumen Pemboleh Ubah Tidak Bersandar (Sikap Keusahawanan)	28
3.5.3	Instrumen Pemboleh Ubah Tidak Bersandar (Kemahiran Keusahawanan)	28
3.6	Prosedur Menganalisis Data	29
3.6.1	Analisis Statistik Deskriptif	30
3.6.2	Analisis Korelasi	30
3.6.3	Analisis Regresi	31
3.6.4	Analisis Kebolehpercayaan dan Kesahan Instrumen	32
3.7	Kajian Sebenar Di Lapangan	33
3.7.1	Analisis Kebolehpercayaan	33
3.8	Penyaringan Data	34
3.8.1	Pengurusan Data Tidak Lengkap	34
3.8.2	Bias Maklum Balas	35
3.8.3	Ujian Pensisih (<i>Outliers</i>)	36

3.8.4	Ujian Normaliti	36
3.8.5	Ujian Linearliti	39
3.9	Kesimpulan	40
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	41
4.1	Pengenalan	41
4.2	Profil Responden Kajian	41
4.2.1	Latar Belakang Responden	42
4.2.2	Latar Belakang Mahasiswa dan Mahasiswi	43
4.3	Analisis Deskriptif	46
4.4	Analisis Korelasi	47
4.5	Menjawab Tiga Objektif	48
4.5.1	Objektif Pertama: Tahap Keinginan Keusahawanan Dalam Kalangan Mahasiswa dan Mahasiswi Di Universiti Pendidikan Sultan Idris	48
4.5.2	Objektif Kedua: Hubungan Antara Pengaruh Sikap Keusahawanan Dengan Tahap Keinginan Keusahawanan Dalam Kalangan Mahasiswa Dan Mahasiswi Di Universiti Pendidikan Sutan Idris	52
4.5.3	Objektif Ketiga: Hubungan Antara Pengaruh Kemahiran Keusahawanan Dengan Tahap Keinginan Keusahawanan Dalam Kalangan Mahasiswa Dan Mahasiswi Di Universiti Pendidikan Sutan Idris	53
4.6	Kesimpulan	54
BAB 5	PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN LIMITASI	55
5.1	Pengenalan	55
5.2	Gambaran Ringkas Kajian	55
5.3	Perbincangan Terhadap Dapatan Kajian	57
5.3.1	Objektif Pertama: Tahap Keinginan Keusahawanan Dalam Kalangan Mahasiswa dan Mahasiswi Di Universiti Pendidikan Sultan Idris	57
5.3.2	Objektif Kedua: Hubungan Antara Pengaruh Sikap Keusahawanan Dengan Tahap Keinginan Keusahawanan Dalam Kalangan Mahasiswa Dan Mahasiswi Di Universiti Pendidikan Sutan Idris	58
5.3.3	Objektif Ketiga: Hubungan Antara Pengaruh Kemahiran Keusahawanan Dengan Tahap	59

Keinginan Keusahawanan Dalam Kalangan
Mahasiswa Dan Mahasiswi Di Universiti
Pendidikan Sutan Idris

5.4	Implikasi Dapatan Kajian	60
5.5	Batasan Kajian	61
5.6	Cadangan Kajian Masa Hadapan	62
5.7	Kesimpulan	62

RUJUKAN		64
----------------	--	----



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Tahap Keinginan Keusahawanan Dalam Kalangan Mahasiswa dan Mahasiswi UPSI	18
3.1	Pengagihan Mahasiswa dan Mahasiswi Mengikut Fakulti Di UPSI	25
3.2	Rumusan Teknik Persampelan Berstrata	26
3.3	Item-item Keinginan Keusahawanan	28
3.4	Item-item Sikap Keusahawanan	28
3.5	Item-item Kemahiran Keusahawanan	29
3.6	Klasifikasi Kekuatan Korelasi	31
3.7	Nilai <i>Cronbach Alpha</i> Bagi Kebolehpercayaan Peringkat Kajian Rintis	32
3.8	Nilai <i>Cronbach Alpha</i> Bagi Kebolehpercayaan Peringkat Kajian Lapangan	33
3.9	Ujian Bias Maklum Balas (Ujian T-Sampel Bebas)	35
3.10	Ujian Statistik <i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i>	39
4.1	Latar Belakang Responden	42
4.2	Latar Belakang Mahasiswa dan Mahasiswi UPSI	44
4.3	Analisis Deskriptif	46
4.4	Tahap Penilaian Skor Min	46
4.5	Ringkasan Keputusan Ujian Korelasi Antara Pemboleh Ubah	47
4.6	Ringkasan Keputusan Tahap Keinginan Keusahawanan	49
4.7	Ringkasan Keputusan Sikap Keusahawanan	49



4.8	Ringkasan Keputusan Kemahiran Keusahawanan	50
4.9	Ringkasan Tahap keinginan Keusahawanan	51
4.10	Keputusan Analisis Regresi Berganda Antara Pemboleh Ubah Sikap Keusahawanan dan Keinginan Keusahawanan	52
4.11	Keputusan Analisis Regresi Berganda Antara Pemboleh Ubah Kemahiran Keusahawanan dan Keinginan Keusahawanan	53
4.12	Ringkasan Hasil Ujian Hipotesis Kajian	54

SENARAI RAJAH

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Kerangka Konseptual	16
3.1	Boxplot Outliers Daripada Analisis	36
3.2	Histogram Residual Bagi Pemboleh Ubah Kemahiran Keusahawanan dan Keinginan Keusahawanan	37
3.3	Plot Kebarangkalian Normal Antara Pemboleh Ubah Kemahiran Keusahawanan dan Keinginan Keusahawanan	38
3.4	Graf Scatterplot Ujian Linearliti Antara Pemboleh Ubah Kemahiran Keusahawanan dan Keinginan Keusahawanan	40

SENARAI SINGKATAN

UA	Universiti Awam
KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
IPT	Institusi Pendidikan Tinggi
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UPM	Universiti Putra Malaysia
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia
SPSS	<i>Statistical Package For Social Science</i>
ISM	Ijazah Sarjana Muda
ISMP	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan

SENARAI LAMPIRAN

A	Soal Selidik Kajian	71
B	Keputusan Analisis Kebolehpercayaan	79
C	Plot Andaian-andaian Multivariat	83
D	Analisis Korelasi	86
E	Analisis Regresi	88

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab satu membincangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, soalan kajian, objektif kajian, hipotesis kajian, definisi operasional, kepentingan kajian, skop kajian serta struktur kajian. Perbincangan bab ini dimulakan dengan menjelaskan mengenai pengaruh sikap dan kemahiran keusahawanan dalam kalangan mahasiswa terhadap keinginan mereka dalam menceburi bidang keusahawanan. Seterusnya, bab ini juga membincangkan serta menghuraikan mengenai soalan kajian yang akan menjelaskan mengenai mengapa kajian ini perlu dilihat dengan lebih mendalam dan disertakan dengan objektif yang berkait rapat dengan soalan kajian. Berdasarkan soalan kajian dan objektif kajian, hipotesis kajian diwujudkan bagi membuat penilaian dengan lebih teliti. Seterusnya, bab ini juga akan mengulas tentang definisi operasional mengenai pengaruh sikap, kemahiran keusahawanan dan juga tahap keinginan keusahawanan. Selain itu, penerangan yang terperinci mengenai kepentingan, skop serta struktur kajian juga akan dijelaskan dengan lebih mendalam. Akhir sekali, bab 1 di akhiri dengan sedikit rumusan bagi menerangkan secara keseluruhan inti pati apa yang terkandung di dalam bab ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Keusahawanan merupakan bidang kerjaya yang penting pada hari ini kerana ianya membantu serta menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara dari semasa ke semasa. Bidang ini turut membantu ramai pihak dengan membentuk dan menyediakan peluang pekerjaan yang luas kepada masyarakat (Deveci & Sekkula-Leino, 2018). Keusahawanan dikategorikan sebagai salah satu pilihan bidang kerjaya untuk difikirkan oleh setiap individu (Norfadhilah & Halimah, 2010). Pemilihan kerjaya merupakan satu proses yang berterusan bermula dengan persepsi kanak-kanak terhadap dunia pekerjaan dan kemudiannya berkembang ke peringkat yang lebih dewasa iaitu mampu menampung kehidupan diri dan keluarga. Malah, kerajaan turut menggalakkan masyarakat untuk menceburi bidang keusahawanan sehingga menjadi usahawan berjaya. Dengan adanya usahawan berjaya dalam bidang perniagaan ianya dapat menambahkan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat (Malaysia) dan secara tidak langsung budaya makan gaji dapat dikurangkan (Norfadhilah & Halimah, 2010).

Aktiviti keusahawanan merupakan salah satu pekerjaan yang disokong di seluruh dunia termasuklah negara Malaysia. Pada masa kini, ramai masyarakat Malaysia yang telah menceburi sektor keusahawanan dan menjadikan sektor ini sebagai pilihan kerjaya mereka. Perkara ini dapat dibuktikan apabila negara Malaysia dikategorikan di dalam senarai negara yang sedang dan terus membangun dari segi ekonominya. Menurut Fadilla dan Norasmah (2020), Malaysia kini telah beralih dari sebuah negara berpendapatan rendah kepada negara yang berpendapatan menengah. Zaifurin (2019) menjelaskan jika pendapatan per kapita negara telah meningkat setiap tahun, kadar kemiskinan akan turut berkurang. Perubahan ekonomi negara yang semakin pesat ini berupaya untuk membentuk individu yang mempunyai pengetahuan tentang ekonomi mengikut arus semasa (Fadilla Che Faizu & Norasmah, 2020). Pengetahuan mengenai keusahawanan penting untuk diambil tahu dari awal terutamanya dalam kalangan pelajar. Perkara ini perlu diterapkan dalam dunia pendidikan untuk memberi pendedahan awal kepada semua kategori pelajar sama ada rendah, menengah mahupun bidang pengajian tinggi. Pendidikan merupakan sumber

yang menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara untuk melahirkan individu yang berpengetahuan (Nursyafiqah et al. 2018)

Sistem pendidikan sama ada di dalam mahupun di luar negara sejak tiga abad dahulu telah memberi tekanan terhadap pembudayaan keusahawanan (Rao, 2022). Menurut Gabriela (2020), kemahiran asas keusahawanan perlu dimasukkan dalam kurikulum di semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dengan berkongsi pelbagai ilmu yang berkaitan dengan bidang keusahawanan supaya masyarakat pada masa kini lebih celik terhadap bidang ini. Pelaksanaan ini dibuat dengan tujuan untuk menerapkan sikap dan kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar. Para pelajar didedahkan dengan ciri-ciri keusahawanan seperti kreatif dan inovatif, yakin diri, berani mengambil risiko, akauntabiliti, mengambil keputusan segera, berkebolehan menyelesaikan masalah dan berpayu bekerja secara berpasukan (Nur Azmaliza, 2020).

Walau bagaimanapun, keinginan untuk menjadi usahawan masih lagi rendah terutamanya dalam kalangan pelajar IPT. Bagi melihat tahap keinginan keusahawanan dalam kalangan pelajar, terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi antaranya faktor sikap keusahawanan dan kemahiran keusahawanan. Sikap lazimnya dikaitkan dengan penilaian positif atau negatif yang wujud dalam diri individu untuk melakukan tingkah laku tersebut (Ajzen, 2005). Menurut Ajzen (2012), sikap boleh mempengaruhi tingkah laku dan daya tarikan seseorang, yang mana salah satu pertimbangan tingkah laku peribadi adalah memberi nilai personel yang positif atau negatif semasa membuat keputusan tentang kerjaya masa depan. Oleh itu, keputusan untuk memilih bidang keusahawanan sebagai kerjaya adalah berdasarkan sikap positif individu terhadap bidang tersebut (Lim, Sheerad & Norasmah, 2022).

Faktor kedua pula adalah faktor kemahiran. Kemahiran yang berkait rapat dengan kajian ini adalah kemahiran keusahawanan. Kemahiran keusahawanan merupakan elemen penting yang perlu dititikberatkan untuk mengasah bakat keusahawanan dalam diri seseorang individu. Pendedahan kepada pengetahuan keusahawanan secara teori sahaja tidak mencukupi tanpa praktikal yang baik dijalankan (Rao, 2022). Pihak Institut Pengajian Tinggi (IPT) mempunyai tanggungjawab yang besar dalam melahirkan golongan pelajar yang lebih

berkebolehan terhadap bidang keusahawanan (Nor Azira, 2017). Oleh itu, kemahiran keusahawanan perlu dipraktikkan dan di asah bakatnya dari awal. Kemahiran keusahawanan merupakan kemahiran yang ada dalam diri pelajar dan ia perlu di asah dan gilap agar kemahiran ini sentiasa digunakan sekaligus dapat melahirkan pelajar yang memiliki kemahiran keusahawanan (Esmalaily dan Norasmah, 2019). Berdasarkan penerangan di atas, pengkaji akan membincangkan permasalahan kajian dengan lebih terperinci mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi keinginan keusahawanan.

1.3 Pernyataan Masalah

Kadar pengangguran di Malaysia, merekodkan 584,600 orang dan berada pada tahap 3.9 peratus. Bilangan pengangguran ini mencatatkan penurunan pada Mei 2023. Jabatan Perangkaan Malaysia, *DOSM* turut melaporkan prestasi keseluruhan pada Mei 2023 menunjukkan pasaran buruh mempunyai momentum pertumbuhan yang stabil. Walaupun kadar pengangguran pada tahun 2023 menunjukkan penurunan, namun hakikatnya masih ramai masyarakat pada hari ini masih menganggur. Laporan rasmi pengangguran dalam kalangan belia yang dikategorikan kepada dua peringkat umur iaitu 15 hingga 24 tahun dan 15 hingga 30 tahun. Berdasarkan peringkat umur ini, mahasiswa IPT juga tergolong dalam kategori belia yang mana kedua-dua peringkat umur mengikut kategori yang dilaporkan oleh *DOSM*.

Kadar pengangguran belia yang berumur 15 hingga 24 tahun menurun sebanyak 0.1 mata peratus kepada 11 peratus dengan jumlah seramai 313,000 penganggur belia manakala kadar pengangguran dalam kalangan belia yang berumur 15 hingga 30 tahun telah meningkat sebanyak 0.3 mata peratus kepada 7.0 peratus dengan 448,600 penganggur. *DOSM* turut mendeskripsikan, ekonomi Malaysia dijangka berdepan cabaran berikutan kedudukan ekonomi global yang tidak menentu seperti digambarkan oleh indikator Indeks Pelapor Malaysia pada April 2023. Kesannya, pasaran buruh juga dilihat akan berdepan dengan permasalahan yang akan menggugat seseorang individu. Keadaan ini jelas menunjukkan, kadar pengangguran boleh berubah dari semasa ke semasa sama ada menunjukkan peningkatan yang negatif mahupun penurunan yang positif.

Berdasarkan kajian lepas kebanyakan, pelajar IPT masih kurang menunjukkan minat menceburi bidang keusahawanan mahupun menjadi usahawan walaupun pelbagai program yang melibatkan bidang keusahawanan telah dijalankan di peringkat universiti sama ada dari segi kurikulum keusahawanan atau kokurikulum. Perkara ini menunjukkan pelajar IPT masih menyimpan rasa dan hasrat untuk bekerja makan gaji apabila telah tamat pengajian yang mereka ikuti. Menurut Norfadhilah dan Halimah (2010) majoriti pelajar bersikap positif terhadap kerjaya usahawan, tetapi sikap tersebut tidak dapat mempengaruhi pelajar untuk menceburi diri bidang keusahawanan. Sikap kebiasaannya dikaitkan dengan penilaian positif atau negatif yang wujud dalam diri individu untuk melakukan apa-apa tingkah laku (Ajzen, 2005). Sikap keusahawanan merupakan ciri utama yang menentukan kejayaan seseorang individu terhadap matlamat yang ingin dicapai di samping pemikiran dan tingkah laku keusahawanan yang turut menyumbang kepada pembentukan diri seseorang usahawan (Aishah, 2011). Apabila sikap seseorang individu tidak menunjukkan minat ke arah bidang keusahawanan, maka sumbangan bagi membentuk diri untuk menjadi usahawan adalah sedikit sukar. Walau bagaimanapun, perkara ini masih boleh di asah dari semasa ke semasa.

Menurut Norain, Suhaimi dan Daud (2019), kerajaan Malaysia memandang serius terhadap keperluan untuk melahirkan graduan tempatan yang bercirikan keusahawanan yang unggul. Terdapat beberapa perkara yang dititikberatkan oleh pihak kerajaan antaranya ialah, kemahiran keusahawanan. Bagi meningkatkan kemahiran keusahawanan, pihak kerajaan iaitu Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah melancarkan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT). Tujuan pelan ini dilancarkan adalah bertujuan untuk memperkasakan ekosistem keusahawanan di seluruh IPT dalam Malaysia. Banyak program yang terkandung di dalam pelan ini. Antara program yang terkandung adalah keusahawanan siswa yang mana program ini pada hari ini telah diberi nafas baru dan di jenamakan semula sebagai siswaprenuer dan *Siswa Social Enterprise* (SISE).

Walaupun usaha memberikan ilmu dan pengalaman kepada pelajar telah dilaksanakan sejak beberapa tahun yang lepas, namun bagi menukar mentaliti para

pelajar universiti untuk mempunyai niat, kecenderungan, sikap dan minat bagi ke arah menceburi bidang keusahawanan bukanlah suatu perkara yang mudah. Hal ini kerana, sebahagian besar bakal graduan dan graduan masih mengharapkan kerja makan gaji sebagai keutamaan dalam kerjaya masa depan mereka. Seterusnya, mereka juga berpendapat bahawa bidang keusahawanan tidak menjanjikan pendapatan tetap dan ianya juga merupakan bidang yang berisiko tinggi (Norain, Suhaimi & Daud, 2019). Oleh itu, kajian ini perlu dijalankan untuk mengenalpasti sejauh manakah sikap dan kemahiran keusahawanan dapat mempengaruhi keinginan keusahawanan dalam kalangan pelajar IPT.

1.4 Soalan Kajian

Berdasarkan kepada pernyataan masalah yang dibincangkan sebelum ini, terdapat beberapa soalan kajian yang dinyatakan dalam bentuk yang lebih spesifik iaitu:

- i. Apakah tahap keinginan keusahawanan dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswa di Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- ii. Adakah terdapat hubungan antara pengaruh sikap keusahawanan dengan tahap keinginan keusahawanan dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi di Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- iii. Adakah terdapat hubungan antara pengaruh kemahiran keusahawanan dengan tahap keinginan keusahawanan dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian merupakan satu elemen untuk memastikan sebuah kajian tidak tersasar daripada matlamat asal mahupun objektif utama. Selaras dengan tiga soalan kajian di atas, objektif utama kajian ini bertujuan untuk mengetahui hubungan antara pengaruh sikap dan pengaruh kemahiran keusahawanan dengan tahap keinginan keusahawanan dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Oleh itu, terdapat tiga objektif kajian yang ingin dicapai oleh pengkaji iaitu:

- i. Mengenalpasti tahap keinginan keusahawanan dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi di Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- ii. Menentukan hubungan antara pengaruh sikap keusahawanan dengan tahap keinginan keusahawanan dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi di Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- iii. Menentukan hubungan antara pengaruh kemahiran keusahawanan dengan tahap keinginan keusahawanan dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan objektif kajian, pengkaji mempertimbangkan 2 hipotesis bagi menjawab persoalan kajian. Antara hipotesis kajian yang dibentuk ialah :

H1 Terdapat hubungan antara pengaruh sikap keusahawanan dengan tahap keinginan keusahawanan dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

H2 Terdapat hubungan antara pengaruh kemahiran keusahawanan dengan tahap keinginan keusahawanan dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

1.7 Definisi Operasional

Definisi operasional merupakan definisi khusus atau istilah khusus yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Antara perkara yang akan didefinisikan bagi kajian ini adalah:

i. Keinginan keusahawanan

Keinginan bermaksud niat seseorang untuk berusaha dalam mencari ataupun mencuba aktiviti-aktiviti dalam suatu bidang yang tertentu (Nasihah, Aishah & Norasmah, 2018). Keinginan keusahawanan sering dipengaruhi oleh sikap dan kemahiran kerana ia memberi kesan secara langsung (Nishanti & Aishah, 2022). Bagi kajian ini

keinginan keusahawanan dikaji untuk melihat kejaya dalam bidang keusahawanan sebagai penciptaan pekerjaan, keusahawanan merupakan pekerjaan yang bekerja sendiri dan teladan yang mendorong penglibatan dalam bidang keusahawanan.

ii. Sikap keusahawanan

Sikap keusahawanan merupakan dorongan yang menjadikan seseorang bertindak dan ianya akan menghasilkan tingkah laku. Seterusnya, sikap keusahawanan merupakan ciri utama yang menentukan kejayaan seseorang individu terhadap matlamat yang ingin dicapai di samping pemikiran dan tingkah laku keusahawanan yang turut menyumbang kepada pembentukan diri seseorang usahawan (Nor Aishah, 2011). Selain itu, Omar (2021) menjelaskan bahawa seseorang yang memiliki sikap keusahawanan, maka minat dan keinginan keusahawanan mereka juga wujud. Berdasarkan kajian ini, sikap keusahawanan dilihat sama ada seseorang itu mampu untuk mengatasi kesukaran, mengatasi halangan, melihat kemampuan seseorang membuat dua kerja dalam satu masa dan melihat cara tekanan di atasi dalam membuat sesuatu pekerjaan.

iii. Kemahiran keusahawanan

Kemahiran keusahawanan menjadi antara elemen penting bagi mengasah bakat keusahawanan. Pendedahan kepada pengetahuan keusahawanan secara teori sahaja tidak mencukupi tanpa diaplikasikan (Rao, 2022). Oleh itu, kemahiran keusahawanan perlu diaplikasikan dan diasah bakatnya dari awal. Kemahiran keusahawanan merupakan kemahiran yang ada dalam diri pelajar dan ia perlu di gilap agar kemahiran ini sentiasa digunakan sekaligus melahirkan pelajar yang memiliki tekad keusahawanan (Esmalaily & Norasmah, 2019). Berdasarkan kajian ini, kemahiran keusahawanan diuji dari segi kemahiran seseorang mengenalpasti idea yang bernas, kebijaksanaan dalam mengambil peluang, cara berinteraksi dengan masyarakat, kemahiran pengetahuan dari pelbagai bidang dan juga mengetahui tentang pentingnya pengetahuan tentang rancangan perniagaan bagi menguruskan perniagaan.



1.8 Kepentingan Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti pengaruh sikap keusahawanan dan pengaruh kemahiran keusahawanan terhadap keinginan keusahawanan dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Dapatan kajian menggambarkan tahap keinginan keusahawanan dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi. Oleh hal yang demikian, diharapkan hasil kajian ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak terutama sekali kepada mahasiswa dan mahasiswi dalam mengatur laluan kehidupan dengan baik supaya dapat memberi faedah kepada diri sendiri terutamanya beserta dapat memberi faedah kepada masyarakat di luar sana.

Kajian ini juga diharapkan dapat membantu pihak kerajaan untuk mengenalpasti inisiatif mahupun bantuan bersesuaian yang boleh disalurkan atau memantapkan pelaksanaan program sedia ada kepada mahasiswa dan mahasiswi Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Apabila kerajaan mengambil inisiatif membantu mahasiswa dan mahasiswi dalam bidang keusahawanan, kerajaan akan memberi peluang kepada mereka untuk melebarkan sayap dalam bidang ini dan mempelajari mengenai bidang ini dengan lebih mendalam. Seperti contoh, pihak kerajaan boleh memperluaskan pengembang program sedia ada seperti program *New Breed Marketing Entrepreneur* (NBME) ke seluruh IPT di Malaysia. Menurut Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Faisal Iswardi Ismail, program NBME ini telah dilaksanakan pada tahun 2021 dan telah melahirkan 3779 usahawan muda. Justeru itu, hal ini juga akan memberi faedah kepada semua masyarakat serta akan memberi faedah kepada kerajaan apabila hasil yang dilaburkan kepada mahasiswa dan mahasiswi membuahkan hasil yang positif.

Selain itu, hasil dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu pihak universiti untuk merancang program yang berketepatan serta bersesuaian dari segi aspek keusahawanan. Perkara ini dapat membantu mahasiswa dan mahasiswa merancang kerjaya masa hadapan mereka dengan baik. Menurut Akmal Sabararudin et al. (2022), pembangunan kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar perlu diintegrasikan ke dalam kurikulum pengajaran di universiti bagi mempersiapkan



mereka dengan peluang pekerjaan yang lebih luas dan jelas. Bidang keusahawanan juga termasuk dalam bidang kerjaya. Sebagai contoh, pihak universiti menyediakan pelbagai kursus keusahawanan kepada pelajar yang bercorakkan kerjaya semasa atau selepas tamat belajar, hal ini akan memberi banyak manfaat kepada mereka untuk mula menerajui bidang ini dari awal. Perkara ini akan memberi faedah kepada mereka terutama sekali dari segi kewangan. Hal ini dapat dikaitkan juga dengan simpanan wang, pendapatan untuk meneruskan kehidupan dan lain-lain.

Akhir sekali, secara teoritikalnya, kajian ini akan dapat menyumbangkan kepada aspek metodologi kajian di mana kajian ini dijalankan ke atas mahasiswa dan mahasiswa universiti. Sebagaimana yang kita tahu, mahasiswa dan mahasiswi merupakan insan yang sudah matang dari segi pemikirannya. Rata-rata peringkat umur pelajar universiti adalah 18 tahun dan ke atas. Pada peringkat umur ini, mereka sudah cukup matang untuk membuat pilihan kerjaya yang mereka inginkan. Kerjaya yang sangat disyorkan kepada anak muda pada masa kini adalah kerjaya keusahawanan kerana kerana kerjaya ini dilihat mampu menerajui sektor ekonomi dalam negara pada masa kini.

1.9 Skop Kajian

Terdapat beberapa batasan kajian yang dikenal pasti oleh pengkaji:

a. Fokus Kajian

Fokus kajian ini terbatas kepada dua faktor sahaja yang mempengaruhi keinginan keusahawanan dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi di Universiti Pendidikan Sultan Idris iaitu pengaruh sikap keusahawanan dan pengaruh kemahiran keusahawanan. Pengkaji juga menyelidik tentang tahap keinginan keusahawanan yang merupakan pemboleh ubah bersandar

b. Pensampelan

Populasi kajian ini terdiri daripada semua pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Lokasi kajian melibatkan semua fakulti yang terdapat di UPSI. Lokasi kajian hanya terbatas di UPSI kerana UPSI merupakan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang

melibatkan mahasiswa dan mahasiswi. Seterusnya, responden kajian melibatkan semua mahasiswa dan mahasiswi UPSI bermula daripada semester satu sehingga semester lapan.

1.10 Struktur Kajian

Kajian ini dipecahkan kepada lima bab yang berbeza. Tujuannya adalah untuk memudahkan setiap penerangan yang dijelaskan secara khusus dapat difahami dalam bentuk yang mudah dan tidak bercampur aduk. Bab pertama dimulai dengan bab 1 iaitu pengenalan. Bab 1 menjelaskan secara khusus mengenai isu-isu yang membawa kepada sebab kajian ini dijalankan. Bab ini menghuraikan beberapa aspek penting secara terperinci. Antara aspek yang terlibat bagi bab ini adalah latar belakang kajian, pernyataan masalah, soalan kajian, objektif kajian, hipotesis kajian, definisi operasional, kepentingan kajian, skop kajian, struktur kajian dan akhir sekali adalah kesimpulan tau rumusan ringkas bagi bab 1.

Bab 2 membincangkan mengenai kajian-kajian lepas yang merangkumi teori-teori berkait dengan tujuan untuk menerangkan kajian dengan lebih jelas. Seterusnya, bab ini akan menerangkan kerangka konseptual dengan lebih mendalam. Selain itu, definisi mengenai pemboleh ubah bersandar dan tidak bersandar serta penerangan pembangunan hipotesis turut dijelaskan dalam bab ini. Bab 2 di akhiri dengan rumusan iaitu kesimpulan yang dibuat untuk untuk menerangkan bab ini secara keseluruhan.

Bab 3 pula menerangkan mengenai metodologi kajian. Terdapat beberapa aspek yang terkandung di dalam metodologi iaitu reka bentuk kajian, lokasi kajian, populasi dan pensampelan kajian, instrumen kajian, prosedur menganalisis data, kajian sebenar di lapangan, penyaringan data dan di akhiri dengan kesimpulan. Instrumen kajian digunakan untuk mendapatkan data. Bagi kajian ini, instrumen kajian menggunakan soal selidik skala *Likert* lima mata. Bagi bahagian prosedur menganalisis, analisis yang dibuat hanya kepada tiga aspek yang terdiri daripada analisis statistik deskriptif, analisis korelasi dan analisis regresi. Selain itu analisis kebolehpercayaan dan kesahan instrumen juga terlibat. Seterusnya, bab ini juga akan

menerangkan mengenai penyaringan data yang terkandung beberapa perkara seperti pengurusan data tidak lengkap, bias maklum balas, ujian pensisih, ujian normaliti dan akhir sekali, ujian linearliti.

Bab 4 pula merujuk kepada dapatan kajian. Dapatan kajian yang diperoleh akan dibincangkan pada bab ini. Antara perkara yang dibincangkan di dalam bab ini adalah profil responden yang mengandungi empat perkara iaitu latar belakang responden dan latar belakang mahasiswa dan mahasiswi. Selain itu, bab ini turut membincangkan mengenai analisis deskriptif, analisis korelasi, menjawab objektif kajian dan di akhiri dengan kesimpulan sebagai penutup bagi bab ini.

Akhir sekali adalah perbincangan untuk bab 5. Bab ini membincangkan mengenai gambaran ringkas kajian, perbincangan terhadap dapatan kajian, implikasi dapatan kajian, batasan kajian, cadangan kajian masa depan dan di akhiri dengan kesimpulan. Perbincangan terhadap dapatan kajian, bahagian ini membincangkan mengenai tiga objektif yang digunakan bagi kajian ini.

1.11 Kesimpulan

Bab ini telah menyentuh secara menyeluruh tentang isu berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi keinginan keusahawanan dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Dalam bab ini, pengkaji telah menerangkan secara khusus mengenai aspek-aspek yang terlibat seperti latar belakang kajian, pernyataan masalah, soalan kajian, objektif kajian, hipotesis kajian, definisi operasional, kepentingan kajian, skop kajian dan juga struktur kajian. Seterusnya, bab 2 akan membincangkan mengenai tinjauan literatur dengan terperinci.